

# Watak ahli politik serba sederhana

Oleh DR. ALIAS MOHAMED

PERISTIWA awal yang mula-mula mengaitkan saya dengan Allahyarham Tun Ghafar Baba ialah pada akhir 1970-an. Beliau aktif ke sana ke mari menerima tawaran bahagian-bahagian UMNO di seluruh negara untuk memberi penjelasan mengenai pelbagai perkara, termasuk undang-undang tubuh UMNO.

Ketika itu UMNO Bahagian Selayang menjemput saya memberi ceramah kepada ahli-ahlinya, sementara Ghafar pula dicadang mengulas ceramah saya.

Pada waktu itu beliau mula dikenali sebagai Peguam UMNO atau *walking lawyer* kerana keupayaannya menyelesaikan masalah UMNO yang terbit daripada kesulitan mentafsir perlembagaannya. UMNO yang dirujuk kepada beliau biasanya lebih terserlah kerana kejayaannya membuang penyakit yang berpotensi untuk membiak menjadi busung.

Dengan usaha Ghafar seperti ini UMNO berjaya mengelak dari bertempur misalnya dengan raja dan penyokong-penyokong raja dalam tahun 1983.

Perlu diingat, walaupun Ghafar tidak pernah menjadi Setiausaha Agung UMNO, namun tugas-tugas berat untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan di bahagian dan cawangan akhirnya dirujuk kepada beliau. Krisis MCA ditangani Ghafar dengan cara yang sama senyap tetapi teratur dan penuh berhemah.

Inilah watak Ghafar sebenar yang tidak diketahui umum. Beliau memasuki medan perang dalam MCA yang telah berkegelegak itu dengan penuh berdiplomasi dan bersahaja. Tanpa pengisytiharan dan tanpa gembur-gembur.

## Cemerlang

Pernah pada 15 Januari 1958 beliau dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Membantu Kemerdekaan Algeria. Beliau menjalankan tugasnya ini juga dengan cemerlang, walaupun tanpa hebahan dan sorak-sorai media massa.

Sifat-sifatnya yang cemerlang, tidak gopoh, berhati-hati dan taat setia kepada pemimpin serta tidak kelihatan bermain sunglap dengan mereka, berjaya menawan hati empat Perdana Menteri.

Memandangkan peranan dan sumbangan Ghafar yang besar kepada UMNO Melaka sejak 1951, Tunku Abdul Rahman memberi peluang kepada Ghafar menjadi Ketua Menteri Melaka dalam tahun 1959.

Di bawah pimpinan Tun Razak selepas tahun 1971, Ghafar dilantik Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang sebelum itu disandang oleh beliau sendiri. Kemudian Ghafar diberi satu lagi tugas yang lebih berat Setiausaha Agung Barisan Nasional.

Dalam tahun 1975 Tun Razak menghadiri sidang Komanwel. Oleh kerana Tun Hussein Onn sakit maka Ghafar dilantik pemangku Perdana Menteri selama tiga minggu. Kepercayaan yang diberi oleh Tun Razak kepada Ghafar dalam tahun tersebut menyebabkan ramai mengandaikan peletakan jawatan beliau dalam Kabinet Hussein adalah kerana *personality clash* antara mereka.

Namun seperti yang saya telah tulis dalam akhbar



DR. MAHATHIR Mohamad bersama Ghafar Baba semasa majlis berbuka puasa di Sri Perdana pada 1987.

- Bernama

ini pada 27 November 2005, beliau terus memegang jawatan Setiausaha Agung BN dan membantu Hussein dalam beberapa kesulitannya. Malah Hussein terus berharap Ghafar akan pulang semula ke Kabinet.

Ghafar diketahui oleh rakan-rakan terdekatnya sebagai seorang tokoh yang tidak gemar membuka terumba lama ataupun baru. Beliau cukup berahsia untuk menjaga kesetiakawanan dan kesejahteraan persahabatan. Sama ada menerasi lisan atau tulisan, beliau tidak akan menggunakan peluang untuk memburuk-burukkan sahabatnya. Semua pidato-pidato dan kenyataan akhbarnya diucap atau diirytakan secara sederhana dan berhemat.

Beliau tidak berebut-rebut untuk meminta kerajaan membina kediaman yang besar setelah menjadi Ketua Menteri Melaka. Malah terus tinggal di ramahnya di Peringgit. Semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri beliau tidak berpindah daripada rumah lamanya di Bangsar. Malah beliau tidak pernah berebut-rebut untuk diberi anugerah bintang kebesaran sehinggalah tahun 2001 apabila didesak berkali-kali supaya menerima bintang kebesaran Tun.

Sewaktu berada di Kelantan dalam pilihan raya 1990 Ghafar mengarahkan saya supaya kereta polis, *outriders* dan siren tidak digunakan untuk menjaga ketenangan sekeliling.

Penghormatannya kepada sahabat-sahabat dan orang atasan tidak berbeza. Contohnya pada tahun

1980 beliau mengirim telegram kepada saya semasa saya menjadi Atace Penerangan di Ottawa. Dalam pesanan telegram ringkas kepada saya yang dikirim melalui Kementerian Luar, Ghafar berkata: "Saya ingin menemui saudara seorang sahaja". Ini menyebabkan pemangku duta dan pegawai-pegawai kedutaan terpinga-pinga. Biasanya VIP diberi layanan istimewa oleh kedutaan. Malah Ghafar tidak menggunakan kereta atau pemandu kedutaan.

Di Kuala Lumpur pada akhir tahun 1982 sebelum beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Ghafar berdiri hormat menyambut ketibaan saya sambil menjabat tangan di sebuah hotel terkemuka di ibu negara, walaupun saya terlambat hampir sejam untuk makan tengah hari dengan beliau kerana kesesakan lalu lintas.

Seluruh rakyat, termasuk rakyat bukan Melayu, akan amat terasa kehilangannya. Pemergiannya akan memberi kesan besar kepada watak politik Melayu yang *simple*, sederhana, rendah diri dan tidak *overexposed*.

DR. ALIAS MOHAMED ialah bekas Setiausaha Akhbar kepada Allahyarham Tun Ghafar Baba semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri